

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 ( 87 )

Tarikh: 30 Oktober 2013

## KENYATAAN AKHBAR

### **MBPJ TINGKAT TAHAP KESELAMATAN DI TAMAN MAYANG, PETALING JAYA.**

Petaling Jaya 30 Oktober - Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengambil tindakan segera meningkatkan tahap keselamatan dengan menambah bilangan CCTV sedia ada di laluan penjalan kaki / lorong ke stesen LRT Kelana Jaya berhampiran Taman Mayang di mana berlakunya kes ragut pelajar Dickson Wong maut di ragut 2 hari yang lalu.

Datuk Bandar Petaling Jaya telah mengadakan tinjauan di tapak kejadian yang turut di hadiri Pengarah Penguatkuasa MBPJ, Pengarah Kejuruteraan dan Pegawai Perhubungan Awam. Tinjauan tapak ini juga turut dihadiri oleh pegawai dan anggota PDRM yang kemudiannya telah memberi taklimat ringkas mengenai kejadian kes ragut.

Berita kejadian ragut pelajar bernama Dickson Wong dari Sarawak ini telah mendapat liputan meluas dalam akhbar Nasional. Majlis bersimpati kepada keluarga mendiang.

Datuk Bandar telah bersetuju untuk menambah jumlah CCTV dikawasan tersebut dan mencahayakan lorong laluan pejalan kaki dalam masa dua minggu. Datuk Bandar juga meminta premis kormesial dikawasan tersebut memasang CCTV di premis masing-masing bagi meningkatkan tahap keselamatan dikawasan tersebut.

Majlis juga akan mensyaratkan kepada premis kormesial dalam pembaharuan lesen supaya mengadakan dan memasang CCTV di premis masing-masing untuk membantu mengawal keselamatan bersama.

Pihak PDRM dan Anggota Penguatkuasa MBPJ telah dan akan melaksanakan rondaan menerusi program rondaan keselamatan dan juga akan melibatkan RT dikawasan tersebut.

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,  
Faks : 03-79582695. ([Puan Zainun bt Zakaria](#), / [En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar](#))